



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI MALAYSIA

Pekeling Mengenai Garis Panduan Tambahan Terkini Pengeluaran Sijil Tempasal Bukan Berkeutamaan Secara *Back-to-* *Back/Transshipment (B2B NPCO)*

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (“MITI”) telah memperkenalkan Garis Panduan Tambahan bagi Pengeluaran Sijil Tempasal Bukan Berkeutamaan secara *Back-to-Back/Transshipment* (“Garis Panduan Tambahan B2B NPCO”) yang berkuat kuasa mulai 1 Mei 2017.

Tujuan Garis Panduan Tambahan B2B NPCO tersebut adalah untuk menyelaraskan prosedur pengeluaran B2B NPCO dengan prosedur pengeluaran sijil tempasal di bawah perjanjian perdagangan bebas sedia ada di mana Malaysia merupakan Negara Ahli. Lanjutan daripada pelaksanaan Garis Panduan Tambahan B2B NPCO tersebut, MITI telah menerima maklum balas daripada dewan-dewan dan persatuan-persatuan perniagaan serta pihak pengeksport mengenai isu pelaksanaan Garis Panduan Tambahan B2B NPCO tersebut.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, MITI telah menyemak semula Garis Panduan Tambahan B2B NPCO terutamanya bagi menangani isu berhubung permohonan B2B NPCO daripada syarikat-syarikat berstatus Gudang Pengilangan Berlesen (“GBP”) dan syarikat yang beroperasi di Kawasan Utama Kastam (“KUK”).


Oleh yang demikian, MITI telah menyemak semula Garis Panduan Tambahan B2B NPCO tersebut dan Garis Panduan Tambahan Terkini B2B NPCO dilampirkan di sini sebagai **Appendix A**. Garis Panduan Tambahan Terkini B2B NPCO akan berkuat kuasa mulai **1 Januari 2018**.

Sehubungan itu, dewan-dewan dan persatuan-persatuan perniagaan dikehendaki memaklumkan kepada ahli masing-masing mengenai pelaksanaan Garis Panduan Tambahan B2B NPCO ini. Semua syarikat disarankan untuk mengambil tindakan sewajarnya dalam memastikan pematuhan kepada Garis Panduan Tambahan Terkini B2B NPCO.

Disediakan oleh:

Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

31 Oktober 2017



MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY MALAYSIA

Circular on the Revised Additional Guidelines on the Issuance Back-to-Back / Transshipment Non-Preferential Certificate of Origin (B2B NPCO)

The Ministry of International Trade and Industry (“MITI”) has introduced the Additional Guideline on the Issuance of Back-to-Back/Transshipment Non-Preferential Certificate of Origin (“the Additional Guidelines on B2B NPCO”) which has entered into force since 1 May 2017.

The objective of the Additional Guideline on B2B NPCO was to coordinate the procedures for issuance of the B2B NPCO with the procedures for issuance of the certificate of origin under the existing free trade agreements which Malaysia is a Party to. Following the implementation of the Additional Guidelines on B2B NPCO, MITI had received feedbacks from the business chambers and associations as well as exporters on implementation issues relating to the Additional Guidelines on B2B NPCO.

Based on the feedbacks received, MITI has reviewed the Additional Guidelines on B2B NPCO particularly to address the issues relating to B2B NPCO applications from Licensed Manufacturing Warehouse (“LMW”) status companies and companies operating in the Principal Customs Area (“PCA”).

Therefore, MITI has revised the Additional Guidelines on B2B NPCO and the Revised Additional Guidelines on B2B NPCO is attached herewith as **Appendix A**. The Revised Additional Guidelines on B2B NPCO will enter into force on **1 January 2018**.

In this regard, the business chambers and associations are required to inform their respective members regarding the implementation of the Revised Additional Guidelines on B2B NPCO. All companies are advised to make the necessary arrangements in order to ensure compliance to the Revised Additional Guidelines on B2B NPCO.

Prepared by:

Trade and Industry Support Division
Ministry of International Trade and Industry

31 October 2017